



**Penghantaran Penyata dan Pembayaran Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan
bagi Tempoh Bercukai Mei - Jun 2021 yang Berakhir pada 31 Julai 2021**

Mana-mana pengilang/ orang berdaftar yang mempunyai masalah akibat dari pandemik Covid-19 berikutan daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan tidak dapat menghantar penyata cukai jualan dan cukai perkhidmatan sebelum atau pada 31 Julai 2021 bagi tempoh bercukai Mei - Jun 2021 akan diberikan tempoh lanjutan sehingga 31 Ogos 2021 untuk berbuat demikian.

Penalti yang dikenakan dalam MySST atas kelewatan menghantar penyata dan pembayaran cukai untuk tempoh bercukai Mei - Jun 2021 akan diremitkan berdasarkan pemohonan daripada pengilang/ orang berdaftar dengan syarat penyata dan pembayaran cukai tersebut dibuat tidak lewat daripada 31 Ogos 2021.

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI

IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PUTRAJAYA